

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

PENOLONG BENDAHARI (W41)

Jabatan	: Pejabat Bendahari
Kampus	: Shah Alam
Status	: Lantikan Secara Tetap / Kontrak (1 Tahun)
Jumlah kekosongan	: 2 orang

RINGKASAN JAWATAN

Pejabat Bendahari, Kampus Shah Alam ingin melantik Penolong Bendahari (Gred W41) yang bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berkaitan laporan kewangan, bajet, penyemakan transaksi & pembinaan sistem kewangan, audit & pencukaian syarikat dan tugas lain berkaitan dengan kelayakan akademik dan syarat-syarat seperti berikut :

SYARAT KELAYAKAN :

PENOLONG BENDAHARI (W41)

1. Warganegara Malaysia.
 2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
 3. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perakaunan / Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) (CGPA 3.0 ke atas) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau Lulus Peperiksaan Akhir Badan – Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).
 4. Kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu dan Matematik pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
 5. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman dalam bidang sistem perakaunan atau pengauditan.
-

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :-
- i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.

- b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya
Selangor

Tel : 03-3280 5058 / 03-3280 5077

- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **12 Ogos 2022**.
- e) Lain-lain:
- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.